

26 NOV 2002

Kadir-Sempadan

KADIR MINTA PINTU MASUK BUKIT KAYU HITAM DIBUKA 24 JAM

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini mencadangkan supaya pintu masuk sempadan Malaysia-Thai di Bukit Kayu Hitam dibuka 24 jam bagi menggalakkan lebih ramai pelancong menyeberangi sempadan kedua-dua negara.

Beliau berkata ia kerana kebanyakan agensi pelancongan di Malaysia dan di Thailand memilih untuk memulakan perjalanan di waktu malam bagi mengurangkan kos penginapan.

"Rombongan pelancong cuba turunkan harga pakej dengan mengurangkan waktu bermalam kerana harga hotel agak mahal..jadi jika buka (pintu masuk) 24 jam mereka tak perlu sewa hotel (untuk jangkamasa yang lama)," katanya semasa mempengerusikan Mesyuarat Rumah Terbuka Hari Raya peringkat kebangsaan di sini, hari ini.

Beliau berkata pihaknya telah membangkitkan perkara itu kepada Jabatan Imigresen dan kini sedang menunggu maklumatbalas jabatan itu.

Selain itu katanya, perkara itu juga sudah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Daripada segi Kementerian, kita untung lebih daripada rugi. Ramai pelancong Thailand akan berbelanja di sini..di samping itu peniaga-peniaga yang beroperasi 24 jam di Thailand dapat sama-sama menerima pelancong dari Malaysia," katanya.

Tambahan pula katanya kerajaan Thai juga sudah berkali-kali membangkitkan perkara ini kerana ia akan memudahkan urusan pelancongan dan kegiatan harian penduduk di kawasan sempadan.

Buat masa sekarang pintu masuk berkenaan dibuka sehingga 12 malam dan beberapa pengusaha pelancongan telah berunding dengannya dan berpendapat jumlah pelancong yang melawat kedua-dua negara akan meningkat jika tempoh itu (12 malam) dilanjutkan.

-- BERNAMA

RW UHS NM PR